



ALBUM: Arthur mengabadikan gambar kenangan bersama pelajar SMK Sapulut yang menjuarai pertandingan Pencetakan 3D Malaysia Techlympics 2023 Zon Peringkat Zon Sabah.

# MSN Sabah catat bilangan pengunjung tertinggi

UB 29.08.2023 P.04

Oleh Kennedy Corlieus

**KOTA KINABALU:** Karnival Minggu Sains Negara (MSN) Peringkat Negeri Sabah selama tiga hari bermula 24 Ogos lepas, berjaya merekodkan bilangan pengunjung mele过asi sasaran ditetapkan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, karnival itu mencatatkan bilangan 23,311 pengunjung.

Ia mengatasi jumlah kehadiran pengunjung ke Karnival MSN Negeri Johor dan Pulau Pinang yang masing-masing merekodkan kehadiran antara 13,000 dan 14,000 pengunjung.

"Jumlah itu secara tidak langsung mencerminkan bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) mempunyai daya tarikan dan berjaya menarik minat kanak-kanak dan para belia di Sabah untuk menguasai bidang STI."

"Dengan kehadiran yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur juga secara umumnya menggambarkan penerimaan positif golongan dewasa terhadap bidang STI."

"Ini selaras dengan peranan ibu dan bapa sebagai pencetus dan penggerak utama dalam membudayakan STI dalam kalangan generasi muda," katanya.

Mengulas lanjut, Arthur berkata bagi mengukuhkan lagi inisiatif itu MOSTI dan agensinya akan meneruskan momentum membudayakan STI dengan penganjuran Karnival Sains Borneo Siri 2 bermula pertengahan bulan September nanti.

"Inisiatif ini bagi memastikan usaha pembudayaan STI yang dibawa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sabah tidak tertumpu ke kawasan bandar sahaja, sebaliknya diperluas ke peringkat akar umbi di pedalaman," katanya.